

28 SEP 2002

Abdullah-Kongsi (Bergambar)

PERKONGSIAN KUASA DALAM BN ADALAH TRADISI YANG TULIN

MELAKA, 28 Sept (Bernama) -- Formula perkongsian kuasa antara parti-parti komponen dalam Barisan Nasional (BN) adalah tradisi tulin dan bukannya satu sandiwara, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Bukti kerajaan BN mengamalkan perkongsian tulin ialah ia mendengar pandangan daripada semua pihak terlebih dahulu sebelum sebarang keputusan dibuat, katanya.

"Ia (keputusan) mesti semua setuju, baru jadi satu keputusan," katanya selepas merasmikan Konvensyen BN Melaka di Air Keroh, hari ini.

"Tidak ada keputusan dalam Jemaah Menteri ini adalah keputusan majoriti atau pun keputusan undi angkat tangan tetapi ianya adalah keputusan melibatkan persetujuan semua yang hadir," katanya.

Menurut beliau keputusan yang dicapai sepakat itu memberi hak sama rata kepada semua wakil parti dalam Kabinet walaupun seorang Menteri itu mewakili kaum minoriti namun pandangannya tetap diambil kira.

Turut hadir ialah Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Ali Rustam yang juga Pengerusi BN negeri, Setiausaha Agung BN Tan Sri Mohamed Rahmat, Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri Datuk Seri Abu Zahar Isnin dan kira-kira 3,000 anggota BN seluruh negeri.

Abdullah berkata formula itulah menjadikan Malaysia sebuah negara yang mampu mengekalkan keamanan, keharmonian dan perpaduan di kalangan masyarakatnya yang terdiri daripada berbilang kaum.

Sebagai contoh, katanya Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Chong Kah Kiat yang mewakili sebuah parti yang kecil tetapi diberikan peluang juga untuk menjawat jawatan itu.

"Ini perkara yang mengajaibkan semua orang macam mana boleh jadi (Ketua Menteri Sabah) sedangkan ia satu parti komponen yang kecil tetapi ia juga adalah komponen BN di peringkat negeri...kekuatan kita dengan mengamalkan perkongsian kuasa yang tulin dan genuine (asli) menjadikan BN parti yang berjaya," katanya.

Terdahulu ketika berucap, Abdullah berkata menerusi perkongsian tulin itu juga rakyat merasa lebih selamat kerana wakil mereka ada dalam kerajaan untuk menyuarakan pendapat mereka.

Beliau berkata malah isu-isu sensitif seperti pengisytiharan Malaysia sebagai negara Islam oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mendapat keputusan sepakat daripada semua anggota komponen BN.

Bagi pembangkang seperti PAS, mereka menekankan pengisytiharan itu akan menyebabkan keadaan BN berkecamuk, bagaimanapun mereka kecewa kerana selepas pengisytiharan itu, BN tetap utuh, katanya lagi.

Menurutnya, satu sifat yang berkualiti pada Dr Mahathir ialah beliau sanggup mendengar apa juga isu yang disuarakan walaupun melibatkan perkara-perkara yang sensitif.

"Dr Mahathir tidak pernah menolak atau tidak mahu mendengar isu yang dibawa ke dalam mesyuarat Majlis Tertinggi BN...beliau (Dr Mahathir) begitu sabar, tertib dan sanggup mendengar semua pandangan mereka yang hadir," katanya.

Beliau berkata tidak ada parti lain di dunia ini yang mampu mencapai kejayaan seperti BN, sanggup mengamalkan perkongsian kuasa yang tulin dengan memberikan hak kepada semua wakil komponennya memberikan pandangan.

Abdullah berkata kejayaan BN terbukti apabila pemimpin negara luar dan pelancong asing yang datang ke negara ini memuji Malaysia kerana berjaya

muncul sebagai sebuah negara yang aman walaupun rakyatnya berbilang kaum.

Beliau berkata keamanan yang dicapai kini membolehkan Malaysia dapat meneruskan usaha untuk meningkatkan kejayaan dalam semua bidang kerana hubungan yang baik antara satu kaum dengan kaum lain tidak lagi menjadi ancaman kepada negara.

Menurut beliau amalan perkongsian kuasa itu bukan sahaja dilakukan di peringkat pusat tetapi di peringkat negeri juga.

"Inilah kerajaan rakyat, iaitu dikehendaki oleh rakyat, bekerja untuk rakyat dan mesra rakyat," katanya.

-- BERNAMA

MYD NO SBS